

PENTING/PENAFIAN

INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

<p style="text-align: center;">HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Juga pastikan yang anda membaca terma dan syarat umum.</p> <p>Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ialah bersifat tentatif/jangkaan. Sebarang perubahan akan diberitahu terlebih dahulu kepada pelabur.</p>	<p style="text-align: center;">NAMA PRODUK: AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i)</p> <p style="text-align: center;"><i>Jun 2020 (Mulai 22 Jun 2020)</i></p> <p style="text-align: center;"><i>AKAUN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM</i></p>
--	---

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

1. Apakah Produk ini?	
Kontrak Syariah yang Digunapakai	TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan iaitu kontrak Mudarabah.
Jenis produk	Produk ini diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada sejenis pelaburan di mana pelabur, yang juga dikenali sebagai <i>Investment Account Holder(s)</i> ("IAH"), membenarkan Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan/atau syarat khusus.
Pihak-pihak yang terlibat, tugas-tugas serta tanggungjawab mereka.	Pihak-pihak yang terlibat ialah pelabur (sebagai pengeluar modal) dan Bank (sebagai pengusaha). Bank yang bertindak sebagai pengurus dana akan melabur bagi pihak pelabur. Di bawah produk ini, pelabur tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.

KESESUAIAN PRODUK

2. Siapakah Yang Sesuai Dengan Produk Ini?	
Jenis Pelanggan	i. Individu; ii. Perniagaan Tunggal.
Objektif Pulangan	Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang tempoh waktu pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah ke sederhana.

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK
3. Dalam Apakah Saya Melabur?

Strategi Pelaburan	Dana tersebut akan dilaburkan dalam aset pembiayaan patuh Syariah yang berkualiti dan terpilih iaitu Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Persendirian-i and Pembiayaan Perniagaan Berjangka-i di HLISB.
Jumlah Minimum Pelaburan	RM 500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus) untuk kadar semasa.
Tempoh Pelaburan	3 dan 6 bulan.
Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang keuntungan yang dijana daripada TIA-i akan dikongsi bersama antara IAH dan Bank berdasarkan PSR 65:35 bagi pelaburan 3 bulan dan 68:32 bagi pelaburan 6 bulan yang telah dipersetujui bersama. • PSR juga boleh disemak semula dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat, Bank akan memberikan notis terlebih dahulu kepada IAH, sebelum sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang baru dilaksanakan dan berkuatkuasa melalui saluran perhubungan Bank yang biasa digunakan.; • Sekiranya lebih keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan indikatif, pelabur bersetuju bahawa lebih keuntungan tersebut, jika ada, hak terhadap keuntungan tersebut akan digugurkan oleh pelabur di bawah prinsip Syariah, Tanazul, dan akan dimiliki oleh Bank. • Di bawah konsep Mudarabah, keuntungan akan dikongsi di antara pelabur dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang dipersetujui bersama. Kerugian dalam bentuk kewangan pula akan ditanggung sepenuhnya oleh pelabur manakala pihak Bank sebagai Pengurus Dana (Pengusaha) akan mengalami kerugian dari segi masa dan usaha sepanjang pelaburan dijalankan. Bank akan menanggung kerugian kewangan sekiranya kerugian tersebut berpunca daripada salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak Bank.
Kaedah Pembayaran Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada penghujung tempoh pelaburan (3 dan 6 bulan). • Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i / Simpanan-i (CASA-i) di Hong Leong Islamic Bank (HLISB) atau Akaun Semasa / Simpanan (CASA) di Hong Leong Bank (HLB) berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan yang dipersetujui.
Fi & Caj	Tiada.

<p>Pelaburan Semula / Pembaharuan Secara Automatik</p>	<p>1. Pelabur boleh memilih ciri pembaharuan pelaburan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Dengan Pembaharuan Secara Automatik: <ul style="list-style-type: none"> a) Perbaharui modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun CASA-i (HLISB) CASA (HLB) pelabur; atau b) Perbaharui modal dan keuntungan (P+I). Tanpa Pembaharuan Secara Automatik – pelaburan akan matang pada penghujung tempoh pelaburan (3 dan 6 bulan). Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun CASA-i (HLISB)/ CASA (HLB) pelabur. <p>2. Pembaharuan Secara Automatik tidak diambil kira sebagai transaksi aktif. Wang yang disimpan dalam akaun pelaburan dengan pembaharuan automatik akan dipindahkan ke Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) selepas tujuh (7) tahun pembaharuan automatik.</p> <p>3. Sekiranya pelaburan TIA-i diperbaharui secara automatik, kadar keuntungan indikatif selepas pembaharuan akan mengguna pakai kadar keuntungan indikatif semasa HLISB.</p>												
<p>Contoh Pengiraan Keuntungan</p>	<p>Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah (Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)</p> <table border="1" data-bbox="451 842 1506 1200"> <thead> <tr> <th>Tarikh Pelaburan</th> <th>1 Mac 2020</th> <th>Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)</th> <th>Pelanggan : Bank 65:35</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Modal (Jumlah Pelaburan)</td> <td>RM 50,000</td> <td>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</td> <td>2.75% p.a.*</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Matang</td> <td>31 May 2020</td> <td>Tempoh Pelaburan</td> <td>3 bulan</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Keuntungan x Keuntungan Kasar Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365 <p>Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan = RM 50,000 x 2.75%* x 91/366 = RM 341.87</p> <p><i>*Sekiranya terdapat perubahan terhadap Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan indikatif untuk langganan baru (selepas perubahan OPR) mungkin akan ditukar.</i></p>	Tarikh Pelaburan	1 Mac 2020	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Pelanggan : Bank 65:35	Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	2.75% p.a.*	Tarikh Matang	31 May 2020	Tempoh Pelaburan	3 bulan
Tarikh Pelaburan	1 Mac 2020	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Pelanggan : Bank 65:35										
Modal (Jumlah Pelaburan)	RM 50,000	Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan	2.75% p.a.*										
Tarikh Matang	31 May 2020	Tempoh Pelaburan	3 bulan										
<p>Pengeluaran Pramatang</p>	<p>1. Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan. 2. Pengeluaran sebahagian hanya dibenarkan dengan syarat berikut; 2.1. Tiada keuntungan akan dibayar sekiranya TIA-i tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan.</p>												
<p>Pembukaan Akaun</p>	<p>1. Untuk pemilik CASA-i / CASA sedia ada, langganan TIA-i boleh dibuat melalui Hong Leong Connect. 2. Untuk bukan pemilik CASA-i / CASA, pelabur dikehendaki membuka CASA-i di kaunter Bank. Pelabur akan diberi akses kepada Hong Leong Connect untuk melanggan TIA-i.</p>												

Pengeluaran TIA-i	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui Hong Leong Connect. 2. Jumlah pengeluaran tersebut akan serta-merta dikreditkan ke dalam akaun CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) pelabur. 3. Pihak Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran di bawah keadaan-keadaan berkecuali (cth: pelanggaran kontrak, kegagalan pasaran secara menyeluruh, dsb.) dan/atau bertindak untuk menjaga kepentingan pelabur.
Perlindungan PIDM	Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM.

4. Apakah Hasil Yang Mungkin Diperoleh Daripada Pelaburan Saya?

1. Pelabur berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
2. Modal dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin sekiranya TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi yang dijangkakan.

Jangkaan Keuntungan & Kerugian (Bagi Pelaburan sebanyak RM 50,000)

Simulasi Pasaran Terbaik		Simulasi Pasaran Terburuk		Simulasi Pasaran Asas	
Tarikh	Feb 2020	Tarikh	Feb 2020	Tarikh	Feb 2020
OPR	Meningkat 50 **bps	OPR	Menurun 75 **bps	OPR	Meningkat 25 **bps
Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*3.25%	Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*2.00%	Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 3 bulan	*3.00%
* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1bps = 0.0001		* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1bps = 0.0001		* Angka hanya untuk tujuan ilustrasi ** 1bps = 0.0001	

*Pengiraan dilaksanakan berdasarkan andaian bahawa Kadar Keuntungan Indikatif untuk Pelabur ialah 2.75%.

Note:

Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan kepada data tertinggi (26 April 2006) dan terendah (8 Ogos 2005) Kadar Dasar Semalaman ("OPR") Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, iaitu kenaikan /penurunan OPR diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan portfolio (iaitu peningkatan 25 mata asas (bps) atau penurunan 55 mata asas (bps) kepada pulangan Akaun Pelaburan), dan dengan semua faktor lain tidak berubah.

VALUATION

Bank akan membuat penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan amalan industri terbaik dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang akan dilaksanakan secara bulanan.

Laporan prestasi Dana akan tersedia bersama penyata suku kewangan di semua cawangan dan disiarkan melalui laman sesawang di <https://www.hlisb.com.my/IA-i>

RISIKO UTAMA
5. Apakah Risiko Utama Yang Terkait Dengan Produk Ini?

(a) Risiko Kehilangan Modal	Produk ini berisiko membawa kehilangan jumlah pelaburan asal (modal) yang penuh. Untuk mengawal risiko ini, pihak Bank akan melabur Dana dalam pelbagai portfolio aset pinjaman Bank yang berisiko rendah dan layak berdasarkan kriteria yang telah ditentukan. Pihak Bank juga akan menggunakan teknik-teknik pengurusan pelaburan yang kukuh. Selain itu, pihak Bank boleh melaksanakan imbalan semula portfolio untuk memastikan aset-aset yang tidak lagi mematuhi strategi dan objektif Dana dikeluarkan daripada Dana. Imbalan semula portfolio merupakan proses penyemakan semula pecahan kelas asset-aset dalam sesuatu portfolio mengekalkan tahap risiko pelaburan yang diinginkan.
(b) Risiko Pasaran	Risiko pasaran ialah risiko pelabur berkemungkinan untuk mengalami kerugian berpunca daripada faktor-faktor yang menjejaskan pasaran kewangan secara menyeluruh dan mungkin akan mempengaruhi prestasi aset-aset pendasar utama secara langsung mahupun tidak langsung. Pihak Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan risiko pasaran menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini membolehkan pihak Bank untuk mengurus kedudukan kewangan dengan efektif dalam lingkungan rangka kerja risiko yang telah diluluskan.
(c) Risiko Kecairan	Risiko kecairan ialah risiko pihak Bank tidak mampu untuk memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada pelabur. Berdasarkan rekod aktiviti pengeluaran pelabur yang terdahulu, pihak Bank akan menjalankan 'stress test' dan membangunkan kaedah bagi mengurus risiko kecairan. "Stress testing" ialah teknik yang digunakan untuk menguji kebolehan sesuatu pelaburan untuk menghadapi pelbagai situasi kewangan di masa hadapan. Sebarang ketidaksamaan jumlah aliran wang keluar dan jumlah aliran wang masuk daripada portfolio akan dianalisis dan dipantau di bawah peruntukan rangka kerja kecairan yang disyorkan oleh pihak BNM. Kerugian yang berpotensi untuk dialami oleh pelabur disebabkan risiko kecairan ialah kemungkinan pulangan yang rendah dan kehilangan modal.
(a) (d) Risiko Kredit	Risiko ini boleh muncul apabila sebahagian besar daripada jumlah aset Dana mengalami kegagalan pembiayaan. Ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pemilihan teliti portfolio aset layak yang pelbagai dan pemantauan rapi prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan mematuhi strategi dan objektif Dana.
(e) Risiko Keputusan Pelaburan	Risiko ini terjadi sekiranya pergerakan pasaran tidak sejajar dengan peruntukan aset-aset yang dilaburkan. Oleh itu, Pemilihan secara berhati-hati dan pengurusan pentadbiran yang tegas akan dilaksanakan oleh pihak Bank dalam proses mencapai keputusan pelaburan.
(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan	Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan oleh pihak Bank melalui pelaksanaan polisi dan prosedur bank secara keseluruhannya.
(g) Risiko Tidak Patuh Syariah	Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah Bank atau majlis pengawal selia yang berkenaan. Pihak Bank akan memantau, dengan bimbingan Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan mematuhi Syariah.
(h) Risiko Negara	Kestabilan ekonomi dan politik sesuatu negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.
(i) Risiko Industri / Sektor	Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko-risiko tersebut.

'Anda dinasihatkan untuk berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan.'

MAKLUMAT HUBUNGAN

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya sekiranya saya menukar maklumat hubungan?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan maklumat hubungan anda untuk memastikan segala komunikasi dapat kami sampaikan tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini maklumat hubungan anda melalui Hong Leong Connect.

7. Siapakah yang patut saya hubungi untuk maklumat lanjut atau membuat aduan?

1. Jika ada mempunyai sebarang pertanyaan, aduan atau komen sila hubungi, tulis, e-mel atau faks kami di:

Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience

Hong Leong Bank Berhad,
 13A Floor, Menara Hong Leong,
 No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,
 50490 Kuala Lumpur.
Telefon : 03-7626 8899 **Faks** : 03-7946 8888 **E-mel** : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan atau proses penyelesaian pertikaian kami, anda boleh hubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK


Alamat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

8. Bagaimanakah cara untuk saya melanggan TIA-i?


Ikut langkah-langkah ini untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i




1 Log masuk ke www.hongleongconnect.my




2 Klik 'Apply' > 'Investment Account-i' > 'Create Account/New Subscription'



3 Lengkapkan bahagian 'Suitability Assessment' untuk menilai profil risiko anda



4 Pilih 'Term Investment Account-i' dan klik 'Subscribe'



5 Pilih 'Yes' daripada menu drop-down > masukkan butiran langganan dan klik 'Next'



6 Masukkan TAC dan klik 'Submit'. Simpan resit untuk rujukan.

PERINGATAN

PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN INI DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Maklumat di dalam helaian pendedahan ini sah mulai 22 Jun 2020.